



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - Harga Bandar Malaysia Jana Impak Ekonomi Kepada Pembangunan Bandar - Lim](#)

🕒 Rabu, Dis 18 2019



PUTRAJAYA, 17 DIS - Pelaksanaan semula projek pembangunan Bandar Malaysia selepas langkah 'penyahtoksikan' yang perlu dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan, ia dijangka menjana impak ekonomi kepada pembangunan bandar negara, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Beliau berkata dengan jangkaan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM140 bilion dalam tempoh 20 tahun akan datang, Bandar Malaysia, yang merupakan pembangunan guna campur berorientasikan transit di Kuala Lumpur, akan membawa nilai ekonomi yang ketara kepada negara dan

mewujudkan ribuan pekerjaan, terutamanya dalam sektor pembinaan, pengetahuan, keusahawanan dan teknologi.

"Pelaksanaan semula projek Bandar Malaysia sebahagian besarnya merupakan hasil usaha Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad).

"Selepas langkah penyahtoksikan yang perlu dilakukan berjaya meningkatkan keyakinan pelabur, Bandar Malaysia kini menawarkan terma-terma yang lebih seimbang dan munasabah kepada negara," katanya dalam ucapan pada majlis pemeteraian bagi pembangunan Bandar Malaysia antara TRX City Sdn Bhd dan IWH-CREC Sdn Bhd (ICSB) di sini hari ini.

TRX City dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan), manakala ICSB merupakan konsortium yang terdiri daripada Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd (IWH) dan China Railway Engineering Corp (M) Sdn Bhd.

ICSB mengambil alih 60 peratus kepentingan ekuiti dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd, pemaju utama projek itu, daripada syarikat induknya TRX City.

Lim berkata selepas menandatangani Perjanjian Rangka Kerja pada 25 April lepas, Kabinet telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Bandar Malaysia di bawah Kementerian Kewangan untuk merunding semula terma-terma baharu yang lebih baik bagi memastikan projek itu benar-benar memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

"Berbanding perjanjian asal yang dirunding oleh kerajaan terdahulu, perjanjian baharu yang ditandatangani hari ini dan dirunding kerajaan hari ini mengandungi terma-terma yang ditambah baik," katanya.

Antara terma baharu di bawah perjanjian baharu itu ialah pembayaran berperingkat yang lebih pendek daripada tujuh tahun kepada tiga tahun dan luas kawasan taman dan rekreasi yang luas daripada 19.7 hektar kepada 34.4 hektar.

"Selain deposit asal sebanyak RM741 juta, ICSB akan membayar tambahan RM500 juta sebagai bayaran pendahuluan dan jumlah rumah mampu milik yang meningkat daripada 5,000 unit kepada 10,000 unit," katanya.

Mengulas lanjut, Lim berkata dividen daripada jualan tanah turut ditambah baik iaitu 50:50 antara ICSB dan TRX City.

Lim berkata keyakinan ICSB untuk melabur semula dalam projek itu juga merupakan hasil kejayaan kerajaan untuk mengasingkan, merasionalisasi dan menyahtoksikkan projek itu yang dicemari skandal rasuah 1MDB.

"Apabila siap dibina, Bandar Malaysia akan menarik syarikat-syarikat multinasional utama (MNC) dan syarikat Fortune 500 untuk memindahkan operasi mereka di sini. Alibaba and Huawei telah menyatakan minat mereka untuk membuka hab mereka di sini di Bandar Malaysia.

"In sejajar dengan dasar kerajaan untuk menarik MNC ke Malaysia untuk melabur dalam sektor berteknologi tinggi dan bernilai tinggi, bagi meningkatkan tahap produktiviti dan daya saing Malaysia dalam persekitaran global yang mencabar," katanya.

Lim berkata kementerian melalui TRX City akan terus memantau untuk memastikan pematuhan dengan terma-terma yang telah ditambah baik dan projek mercu tanda itu dapat disiapkan dengan cepat.

Sementara itu, pada sidang media, apabila ditanya mengenai insentif yang ditawarkan kepada pemaju utama, Lim berkata perkara itu belum diputuskan.

-- BERNAMA





- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

